



Ruj. Kami : KUDR/MXS/B/02/25/0118 (12)
Tarikh : 13 Mei 2025

Maxis Broadband Sdn Bhd
Level 6, Menara Maxis,
Kuala Lumpur City Center,
50450 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
(u.p.: Encik Syed Hussien)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN MENJALANKAN KERJA-KERJA PENANAMAN
SESALUR, LURANG DAN PEMASANGAN KABEL FIBER OPTIK
MAXIS BROADBAND SECARA KAEDAH KOREKAN TERBUKA
SEPANJANG 180 METER BAGI TETUAN MAXIS BROADBAND SDN
BHD DI JALAN LUMUT, SETIAWAN, PERAK**

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak **Majlis Perbandaran Manjung** dengan syarat yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

| Bil. | Perkara |
|------|--|
| i. | Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM5,508.00, seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-03-0118/25). |
| ii. | Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 7,778.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama kepada Majlis Perbandaran Manjung . |
| iii. | Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 10,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Perbandaran Manjung . |
| iv. | Tiada sebarang kerja pengorekan dibenarkan |
| v. | Mengambil langkah keselamatan sepanjang kerja cerapan data dijalankan |

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua **Majlis Perbandaran Manjung** serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh **Majlis Perbandaran Manjung**.





Ruj. Kami : KUDR/MXS/B/02/25/0118 (12)
Tarikh : 13 Mei 2025

PROJEK / KERJA : CADANGAN MENJALANKAN KERJA-KERJA PENANAMAN SESALUR, LURANG DAN PEMASANGAN KABEL FIBER OPTIK MAXIS BROADBAND SECARA KAEDAH KOREKAN TERBUKA SEPANJANG 180 METER BAGI TETUAN MAXIS BROADBAND SDN BHD DI JALAN LUMUT, SETIAWAN, PERAK

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Fatin Syahirah Binti Ramli** di talian **018-4011704** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/13052025/Wan/Fatin

salinan kepada:

- 1. Majlis Perbandaran Manjung**
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: **Bahagian Pembangunan**)
- 2. Ivocom (M) Sdn. Bhd**
No. 10, Jalan 3/34,
Taman Sri Manja,
Jalan Klang Lama,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: **Encik Saktieswaran A/L Thiruchelvan**)

